

Edisi Kesebelas
November 2009

Terbitan Jabatan Penerangan

Program Rakan Remaja Penerangan [RRP]

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bagi Sekolah Rendah Amar pahlawan, Sekolah Rendah Anggrek Desa, Sekolah Rendah Pulaie dan Sekolah Rendah Delima Satu, pada 12 November bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Acara dimulai dengan ucapan alu-aluan dari Pengurus Program Rakan Remaja penerangan, Awang Kassim bin Haji Abd Rahman, Pegawai Penerangan.

Antara objektif RRP ialah bagi mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya sentiasa peka dengan perkembangan semasa, disamping melibatkan para remaja di sekolah-sekolah sebagai rakan atau ejen penyebaran maklumat yang positif kepada rakan-rakan sebaya.

Di majlis tersebut Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong juga turut menyampaikan Taklimat Kenegaraan. Taklimat antara lain berkisar mengenai sejarah kesultanan Brunei



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong memberi taklimat MIB (Melayu Islam Beraja) kepada murid-murid yang mengikuti Program Rakan Remaja Penerangan.



Ucapan alu-aluan dari Pengurus Program Rakan Remaja Penerangan, Awang Kassim bin Hj Abd Rahman, Pegawai Penerangan.

dengan fokus kepada tanggungjawab dan taat setia kepada ketua dan pemimpin. Juga turut disentuh termasuklah memfokuskan tentang Kenali Negara Kitani dan Melayu Islam Beraja.

Program RRP merangkumi taklimat, drama, lawak jenaka, kuiz dan pameran yang direka cipta bagi melengkapkan remaja dengan kepelbagaian disiplin ilmu baik dan pendidikan moral, kesedaran berbangsa, beragama, bernegara,

bersatu padu, taat setia, patuh kepada undang-undang serta nilai-nilai murni dalam kehidupan..

Di akhir program tersebut, para penuntut juga berpeluang di bawa meninjau ke Unit Produksi, Unit Pelita Online dan juga Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Lawatan tersebut sedikit sebanyak diharap akan memberikan pendedahan dan peluang kepada para pelajar mengetahui peranan dan tanggungjawab serta sumbangan setiap bahagian dalam jabatan ini.



Ketua Unit Media IT di Bahagian Berita Inggeris dan Media IT, Awang Haji Ariffin bin Haji Mohd Noor memberikan penerangan tentang peranan dan tugas-tugas yang terdapat di bahagian tersebut kepada sebahagian daripada penuntut yang mengikuti program tersebut.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan cenderamata kepada salah seorang guru yang mewakili sekolah yang mengikuti program Rakan Remaja Penerangan.

Sidang Redaksi**Penasihat**

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua PengarangHajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini**Ahli Sidang Pengarang**Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan**Penyumbang Berita**Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md. Salleh
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah**Penyemak**

Hajah Norpisah Md. Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd. Noor

FotografiBahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

Reka letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Nasi Kandungaya

- Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) 1
- Persidangan Ke-10 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan (AMRI)
- Lawatan Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong 3
- Lawatan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Ke Jabatan Penerangan 4
- Lawatan Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan
- Pegawai Yang Bersara 5
- Bengkel English For the Workplace
- Kursus Penyeliaan (kumpulan I) Di RTB 6
- MRO Bertugas
- Menghadiri Kursus 'Presentation Skill's 7
- Taklimat Kenegaraan Bagi Persetuan Tionghua, Daerah Tutong
- Kursus Komunikasi Berkesan
- Tahniah
- Selamat Hari Lahir 8

Sekapur Sirih*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Kita sudah menghampiri penghujung tahun 2010 dan sejak kawal tahun lagi pada setiap bulan, jabatan sentiasa sibuk dengan kegiatan program-program yang telah dirancang untuk dilaksanakan. Pada bulan November ini jabatan menerima kunjungan oleh guru-guru dan penuntut sekolah Daerah Brunei-Muara dan Temburong. Sememangnya kunjungan seperti ini membolehkan jabatan berkongsi maklumat mengenai Jabatan Penerangan, selain dapat memberi perkembangan isu-isu semasa. Inilah yang diharatkan oleh jabatan sesuai dengan fungsi dan tugasnya melalui visi 'Memberi Masyarakat Bermaklumat'.

Kerja-kerja kenegaraan dan kemasyarakatan juga difokuskan ke arah ini. Golongan belia merupakan antara kumpulan sasaran. Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) merupakan program yang diolah untuk menjelaskan kepadaan terhadap keperluan generasi muda dibekalkan dengan maklumat dan informasi terkini yang dapat dikongsi bersama rakan sebaya. Selain itu program Taklimat Kenegaraan kepada ahli-ahli Persatuan Tiong Hwa Daerah Tutong merupakan satu lagi inisiatif jabatan dalam sama-sama memberi kefahaman mengenai hal ehwal semasa negara tanpa mengira apa jua bangsa. Program-program seperti ini akan terus dipertingkatkan dan dilaksanakan.

Usaha untuk mempertingkatkan kemahiran setiap pegawai dan kakitangan juga adalah sangat penting di mana pada bulan ini berbagai kursus telah dapat diikuti seperti Kursus Penyeliaan dan Skil Penyampaian dan Komunikasi Berkesan. Apa yang penting, setiap yang terlibat dan berpeluang mengikuti kursus-kursus ini akan dapat menggunakan ilmu yang diperolehi semaksima mungkin dalam melaksanakan kerja dan tugas sehari-hari.

Dalam apa jua aspek, yang penting ialah komitmen yang tinggi oleh semua warga jabatan dalam memastikan kerja-kerja jabatan berjalan dengan licin dan teratur.

Sekian, wassalam.

DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG
Pengarah Penerangan

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn

Keluarannya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu).

Persidangan Ke-10 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan (AMRI)



Delegasi Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Muhammad bin Haji Daud.

Persidangan Ke-10 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan (AMRI) telah berlangsung di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 2 hingga 7 November.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh lapan orang delegasi yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Muhammad bin Haji Daud,

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Persidangan telah dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan yang diadakan pada 3 hingga 4 November.

Di persidangan ini, para menteri juga menghadiri Pelancaran projek lagu-lagu pop ASEAN, salah satu projek ke arah mengukuhkan kerjasama media, di mana setiap Negara Anggota ASEAN menyumbangkan dua

buah lagu ciptaan sendiri untuk dimuatkan dalam cakera padat yang mengandungi 20 lagu-lagu pop ASEAN yang diselenggarakan oleh Republik Demokratik Lao.

Berikutnya berlangsungnya persidangan ini, rombongan juga sempat mengadakan lawatan ke Stadium Sukan Asia Tenggara ke 25 yang akan berlangsung di Vientiane pada 9 hingga 18 Disember.

Gambar dan berita sumbangan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.

Lawatan Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong berserta pegawai-pegawai dan kakitangan bergambar kenangan bersama murid-murid Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong.

Seramai 23 penuntut Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan.

Rombongan telah diberikan taklimat mengenai Struktur Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengiran Haji Azahari bin Pengiran

Adi, Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Unit Interpersonal.

Disamping lawatan ke jabatan ini mereka juga mengambil peluang melawat ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Majlis Ramah Mesra dan Makan Tengahari bersama Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan ini

berlangsung disebelah tengah hari di D Valley Cafe, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Di sebelah petang rombongan dibawa meninjau ke Bahagian Pelita Brunei, Fotografi dan Audio Visual dan Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Lawatan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ke Jabatan Penerangan

Seramai 24 orang tenaga pengajar dan kakitangan daripada Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Bandar Seri Begawan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Cikgu Haji Zulkifli bin Haji Lakim, Pegawai Kesejahteraan sekolah berkenaan.

Antara objektif lawatan mereka adalah untuk menambah nilai pengetahuan kepada para tenaga pengajar khususnya guru-guru yang baru berkhidmat di sekolah tersebut dan juga ingin mengetahui



Rombongan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri dan pegawai-pegawai Kanan Jabatan Penerangan.



Rombongan ketika meninjau ke Bilik Unit Pelita On-line, turut serta mengiringi rombongan sepanjang lawatannya tersebut ialah Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri menyampaikan cenderamata kepada ketua rombongan Cikgu Haji Zulkifli bin Haji Lakim.



Peserta rombongan mendengar penerangan ketika meninjau ke Bahagian Berita Inggeris dan Media IT dan Mini Perpustakaan Jabatan Penerangan.

dan mendengar secara lebih dekat mengenai fungsi Bahagian Pelita Brunei sebagai salah satu core business Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai.

Rombongan telah diberikan taklimat mengenai akhbar Pelita Brunei yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan sesi soaljawab bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji

Mahmud bin Haji Masri dan pegawai-pegawai Kanan. Mereka juga dibawa meninjau ke Bilik Unit Pelita On-Line dan Bilik Unit Produksi untuk melihat secara dekat gerak kerja para pegawai dan kakitangan di unit-unit, masing-masing beroperasi dalam satu rangkaian yang bersepada dalam menghasilkan Pelita Brunei.

Rombongan juga dibawa melawat ke Bahagian Berita Inggeris & Media IT, Bahagian Fotografi & Audio Visual dan sebelum menamatkan lawatannya, mereka juga dibawa melawat ke Mini Perpustakaan di jabatan ini. Mini

Perpustakaan ini diwujudkan adalah untuk memberi kemudahan orang ramai khususnya penuntut-penuntut membuat rujukan mengenai terbitan Pelita Brunei yang lama, kumpulan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Peduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, buku-buku terbitan Jabatan Penerangan dan sebagainya yang difikirkan memberi manfaat kepada masyarakat.

Lawatan Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan



Seramai 24 orang penuntut, 5 orang guru dan seorang Penyelia Asrama dari Sekolah Sukan, Kementerian pendidikan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke jabatan ini yang diketuai oleh Cikgu Iskandar bin Haji Omar.

Tujuan lawatan adalah sebagai satu aktiviti sekolah untuk pelajaran-pelajar setelah selesai menghadapi peperiksaan akhir tahun dan juga sebagai pendedahan pembelajaran luar kelas untuk memberikan pengetahuan dan pengalaman mengenai peranan Jabatan Penerangan terhadap masyarakat sebagai media kerajaan.

Rombongan telah diberikan taklimat mengenai Struktur Organisasi dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Jabatan Penerangan oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam di jabatan ini, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra bersama Pegawai-pegawai Kanan di jabatan ini.

Rombongan dari Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.



Peserta rombongan mendengar penerangan ketika meninjau Unit Pelita Online dan Mini Perpustakaan Jabatan Penerangan.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan juga dibawa meninjau secara lebih dekat di Unit Pelita-Online dan Unit Produksi Pelita Brunei, Bahagian Berita Inggeris dan MediaIT, Bahagian Fotografi & Audio Visual dan juga di Mini Perpustakaan. di-sana, mereka berpeluang mendengar taklimat

rengkas daripada ketua-ketua bahagian yang dikunjungi tentang fungsi dan peranan bahagian-bahagian berkenaan. adalah diharapkan dengan lawatan ini, para pelajar akan mendapat faaedah dan manfaat bagi membantu kerjaya mereka selepas meninggalkan alam persekolahan.



Pegawai Yang Bersara



Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Kalong

Jawatan:

Penolong Pegawai Penerangan

Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Temburong

Cuti sebelum bersara: 31 Ogos - 11 November 2009

Tarikh bersara: 12 November 2009



Bengkel English For the Workplace

Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapsiti telah mengaturkan jadual Kursus 'English For the Workplace' kepada seramai lapan orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan. Kursus tersebut dikendalikan oleh fmBRUNEI Consultancy Services. Peserta kursus tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan:

Kumpulan Pertama, 9 hingga 10 November;

Hajah Norpisah binti Md.Salleh

Hajah Musmariani binti Mohammad Salleh

Hajah Nuraminina binti Haji Hasan

Ismale bin Haji Abdul Rahman

Kumpulan Kedua, 11 hingga 12 November ;

Hajah Apsah binti Haji Sahdan

Hafizatul Atikah binti Abdullah

Dk Nur Effa Riyna binti Pengiran Haji Hamdan

Faridah binti Kaderi.



Gambar sumbangan
Faridah binti Haji Kaderi.
Ismale bin Haji Abd. Rahman.

Kursus Penyeliaan (kumpulan 1) Di Radio dan Television Brunei

Awang Haji Madon bin Haji Brahim, Pegawai Luar Penerangan dan Awang Haji Hassan bin Haji Mudin, Pembantu Pegawai Luar bergambar ramai bersama pengendali kursus, Haji Julaihi bin Abdullah dari Equilibrium Consultant, Brunei Darussalam.

Dua orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan telah dihantar untuk mengikuti Kursus Penyeliaan (kumpulan 1) yang dianjurkan oleh Jabatan Radio dan Television Brunei, mereka ialah Awang Haji Madon bin Haji Brahim dan Awang Haji Hassan bin Haji Mudin. Kursus ini telah diadakan pada 2 hingga 5 November, betempat di Pusat Latihan RTB di Kampong Madang.

Seramai 12 orang pegawai dan kakitangan yang mengikuti kursus

ini kebanyakannya dari RTB. Kursus dikendalikan oleh Haji Julaihi bin Abdullah dari Equilibrium Consultant Brunei Darussalam.

Melalui kursus tersebut para peserta telah didedahkan dengan banyak perkara baru dan pengalaman yang akan dapat diserapkan ke dalam bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing, khususnya di Jabatan Penerangan.

Semasa Majlis Penyampaian Sijil setiap kumpulan diberikan masa untuk menyampaikan kertas

laporan untuk dibentangkan melalui perbincangan antara kumpulan masing-masing. Manakala sijil disempurnakan oleh Pemangku pengarah RTB Awang Haji Samad bin Haji Ali.

Gambar dan berita disediakan oleh Awang Haji Madon bin Haji Brahim, Bahagian Perkhidmatan Am, Penyelidikan dan Pusat Sumber.

Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan November

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) di Bahagian Perkhidmatan Media adalah merupakan satu produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, menyelaras serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, sama ada dari segi berpakaian dan liputan.



Gambar sumbangan Dayang Faridah binti Haji Kadri.

| | |
|-------------|--|
| 02 November | Majlis Junjung Ziarah Bakal-bakal Jemaah Haji 1430/2009 di Istana Nurul Iman. |
| 05 November | Majlis Sambutan Hari Guru di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC). |
| 11 November | Majlis Menghadap Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Menteri-menteri Pertanian ASEAN. |
| 12 November | <ul style="list-style-type: none"> - Keberangkatan Pengiran Muda Haji Abd Azim ke Majlis Pembukaan Resmi Feri Terminal Serasa di Feri Terminal Serasa. - Keberangkatan Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negara di Royal Annex, Lapangan Terbang Antarabangsa. |
| 19 November | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 di tapak Projek Kemajuan Pertanian Kampong Tungku. |
| 21 November | Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pangiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Lapangan Terbang Antarabangsa.. |

Jadual Disediakan oleh: Bahagian Perkhidmatan Media.

Menghadiri Kursus 'Presentation Skills'



Dalam usaha untuk meningkatkan kebolehan dan pengetahuan para pegawai dan kakitangan, Jabatan Penerangan melalui Bahagian Pengurusan dan Kapasiti terus berusaha memberikan peluang kepada para pegawai dan kakitangan bagi menghadiri pelbagai kursus, latihan dan sebagainya.

Pada 7 hingga 9 November, dua orang kakitangan jabatan iaitu Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad dan Hajah Noorhijrah

Haji Idris telah mengikuti kursus 'Presentation Skills' bertempat di Seameo-VocTech, Gadong.

Bengkel yang dikendalikan oleh Puan Maria Rufina, CPF (US) dari Q-Performance Consultant (Malaysia) itu antara lain mendedahkan peserta kepada cara dan teknik bagi membuat persediaan dan penyampaian presentation yang betul.

Para peserta juga dikehendaki menyampaikan presentation dihari

pertama dan terakhir kursus yang kemudiannya dinilai oleh pengendali bengkel dan para peserta lain.

Seramai sembilan orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta mengikuti bengkel anjuran bersama Syarikat Litmus (Brunei) dan Q-Performance Consultant (Malaysia).

Taklimat Kenegaraan Bagi Persatuan Tionghwa, Daerah Tutong

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Taklimat Kenegaraan kepada ahli-ahli Persatuan Tiong Hwa Daerah Tutong, berlangsung di Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong pada 11 November.

Taklimat kenegaraan bertajuk 'Negara Kesultanan Melayu

Islam' disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Tujuan taklimat diadakan untuk memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan yang mesti diketahui oleh setiap individu rakyat dan penduduk Negara ini tanpa

mengira agama dan bangsa.

Melalui taklimat tersebut dapat mengangkat imej Raja, pemimpin dan kerajaan.

Turut bersama 30 orang ahli perastuan itu Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Cina Dato Paduka Awang Onn Siew Siong selaku Penasihat persatuan tersebut.

Kursus Komunikasi Berkesan

Seramai 22 orang pegawai dan kakitangan kerajaan menerima sijil masing-masing setelah menamatkan Kursus Komunikasi Berkesan anjuran Institute Perkhidmatan Awam (IPA) antara pegawai yang mewakili Jabatan Penerangan ialah Awang Haji Roslan bin Haji Md. Daud, Pereka Tingkat III dan Dayang Jorrani binti Haji Zainal, Pembantu Pegawai Luar Penerangan.

Kursus berlangsung selama tiga hari bermula pada 31 Oktober hingga 2 November.

Sepanjang kursus tersebut peserta telah didedahkan dengan asas komunikasi, medium komunikasi, ciri-ciri komunikasi berkesan, bentuk komunikasi, komunikasi dalam organisasi, proses komunikasi, halangan dalam komunikasi, cara menerima komunikasi dan komunikasi yang jelas.

Para peserta juga didedahkan mengenai komunikasi interpersonal, model humanistik, model pragmatik dan komunikasi menurut pandangan islam.

Selain itu juga, para peserta turut berpeluang mengadakan perbincangan mengenai pengalaman masing-masing; kejayaan dan kelemahan semasa mengikuti kursus dan aktiviti berkumpulan.

Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dayang Astrilen @ Atikah binti Muhammad Asyraf, Penyemak di Unit Produksi Pelita Brunei kerana selamat melahirkan cahaya mata pertama seorang anak damit lelaki pada 24 November 2009.

Selamat Hari Lahir

| | |
|--|-------------|
| Awang Haji Liman bin Haji Raim | 1 November |
| Awang Balang bin Gelawat | 1 November |
| Awangku Mohd. Zainismandy bin Pengiran Haji Ismail | 1 November |
| Dayang Nurul Hazwani binti Abu Omar | 2 November |
| Awang Samle bin Haji Jaaf | 8 November |
| Awang Abdullah bin Asgar | 9 November |
| Dayang Nuruljannah binti Hassan | 10 November |
| Awang Abdul Rahman bin Haji Kalong | 12 November |
| Dayang Siti Maizafizura binti Maikal | 14 November |
| Awang Abu Bakar bin Haji Mohd. Said | 15 November |
| Pengiran Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar | 16 November |
| Awang Haji Narip bin Haji Bostan | 18 November |
| Awang Azman bin Haji Abdul Rahim | 19 November |
| Dayang Hajah Noorhijah binti Haji Idris | 20 November |
| Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman | 20 November |
| Dayang Hajah Noor Alipah binti Haji Abdul Rahman | 21 November |
| Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok | 23 November |
| Dayang Ramlah binti Mohd. Nor | 25 November |
| Awang Haji Mahmud bin Haji Masri | 26 November |
| Awang Haji Musa bin Mohd. Yassin | 28 November |
| Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin | 30 November |